

# PANDUAN MENGERJAKAN IBADAH

## 1. RUKUN UMRAH (5 Perkara)

Niat ihram mengerjakan umrah.

Tawaf.

Sai'e.

Bergunting atau bercukur.

Tertib.

## 2. WAJIB UMRAH (2 PERKARA)

Niat ihram di Miqat.

Meninggalkan perkara-perkara larangan semasa dalam ihram.

## 3. SYARAT WAJIB HAJI DAN UMRAH

Syarat-syarat wajib haji dan umrah itu adalah sama sahaja iaitu:

Islam - tidak wajib atas orang kafir dan murtad.

Baligh - tidak wajib atas kanak-kanak tetapi sah hajinya dan tidak gugur wajibnya bila baligh.

Berakal - tidak wajib atas orang gila dan jika dilakukan juga, tidak sah hajinya.

Merdeka - Hamba abdi tidak diwajibkan, tetapi sah hajinya dan diberi pahala.

Berkuasa / Kemampuan - Berhubung dengan berkuasa atau berkemampuan, ini ialah berdasarkan kepada

***Firman Allah S.W.T yang bermaksud: "Dan menjadi kewajipanlah bagi manusia terhadap Allah untuk mengunjungi rumah itu bagi yang sanggup berjalan di antara mereka" (Surah Ali Imran ayat 97).***

Dalam masalah berkuasa atau berkemampuan untuk mengerjakan haji dan umrah ini adalah berkuasa kepada dua bahagian:-

- a. Berkuasa atau berkemampuan dengan sendiri; dan
  - i. Berkuasa mengeluarkan belanja tambang dan segala perbelanjaan lain untuk melakukan pekerjaan haji dari mula hingga akhir.
  - ii. Mempunyai bekalan dan perbelanjaan yang cukup bagi saraan nafkah orang yang dibawah tanggungannya.
  - iii. Ada kenderaan pergi dan balik.
  - iv. Aman dalam perjalanan, yakni tidak ada bahaya yang mengancam keselamatan diri dan harta. Ini termasuklah juga tidak ada penyakit yang membahayakan tubuh badan.
  - v. Sihat tubuh badan.
  - vi. Berkesempatan masa untuk mengerjakan haji dan umrah. ***Sebagaimana Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:- "Dari Anas r.a. katanya: Rasulullah s.a.w ditanya " Apakah yang dimaksudkan dengan "sabil"? Rasulullah s.a.w. menjawab: " Bekalan dan perjalanan". Riwayat - Daruqutni.***
- b. Berkuasa dengan bantuan orang lain.

- i. Orang yang mempunyai cukup syarat wajib haji, tetapi tidak dapat mengerjakan hajinya sendiri kerana keuzuran dan sakit yang tidak ada harapan akan sembuh, atau telah terlalu tua umurnya serta telah putus asa tidak dapat pergi sendiri menunaikan hajinya.
- ii. Orang yang telah meninggal dunia yang berupaya semasa hidupnya, tetapi tidak mengerjakan haji, maka terhutanglah fardu haji atasnya sehingga warisnya atau orang yang menerima wasiatnya menunaikan hutang hajinya itu dengan upah atau secara sukarela. Dalam masalah mengerjakan haji untuk orang lain atau upah haji ini, **Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud:** "*Dari Laqit bin Amir r.a bahawa dia telah datang kepada Rasulullah s.a.w dan berkata: " Bahawa bapa saya seorang yang telah tua, tidak berdaya menunaikan haji dan umrah, dan tidak berkuasa mengikuti rombongan atau berjalan untuk mengerjakan haji atau umrah" Rasulullah s.a.w. bersabda: "Tunaikanlah haji untuk bapamu dan umrahnya sekali".* Riwayat - Abu Daud dan Tarmizi.

#### 4. MEMAKAI IHRAM

##### LELAKI

Dua helai kain lepas (tidak bercantum) sehelai dipakai untuk menutup auratnya diantara pusat dan lutut dan sehelai lagi dibuat selendang. Disunatkan berwarna putih.

##### WANITA

Pakaian ihram bagi wanita pula hendaklah menutup semua anggota tubuh selain muka dan dua pergelangan tangan.

#### 5. NIAT MENERJAKAN UMRAH

A. Lafaz niat :

B. Niat di dalam hati:

Sahaja Aku Mengerjakan Umrah Dan Aku Berihram Dengannya Kerana ALLAH Ta'ala.

# BARANG YANG PERLU DIBAWA

LELAKI BARANG KEPERLUAN	BARANG SENARAI BARANG DAN BILANGAN	WANITA BARANG KEPERLUAN	BARANG SENARAI BARANG DAN BILANGAN
KAIN IHRAM	1 PASANG	TELEKUNG SEMBAHYANG	1 PASANG
KAIN PELIKAT	2 HELAI	MINI TELEKUNG	2 HELAI
TALI PINGGANG	1 UTAS	BAJU KURUNG	1 PASANG
BAJU JUBAH	2 PASANG	JUBAH PUTIH / HITAM	2 PASANG
BAJU SEJUK	1 HELAI	TSHIRT	1 HELAI
SELUAR PANJANG	2 HELAI	BAJU SEJUK	2 HELAI
T SHIRT POKET / ZIP	2 HELAI	TUALA MANDI	2 HELAI
TUALA MANDI	1 HELAI	SELUAR PANJANG	1 HELAI
SONGKOK	1	SARUNG KAKI	2 PASANG
SELIPAR GETAH / SANDAL	1 PASANG	SARUNG TANGAN	1 PASANG
KASUT	1 PASANG	SELIPAR GETAH / SANDAL	1 PASANG
SARUNG KAKI	2 PASANG	BUKU PANDUAN HAJI / UMRAH	1 BUAH
BUKU PANDUAN HAJI / UMRAH	1 BUAH	UBAT / BERUS GIGI / SABUN MANDI	SECUKUPNYA
UBAT / BERUS GIGI / SABUN MANDI	SECUKUPNYA	GUNTING KECIL UNTUK TAHALUL (DISIMPAN DALAM KARGO)	1
GUNTING KECIL UNTUK TAHALUL(DISIMPAN DALAM KARGO)	1	BUKU-BUKU DOA	MENGIKUT KEPERLUAN
BUKU-BUKU DOA	(MENGIKUT KEPERLUAN)	MINYAK AGIN / UBAT-UBATAN	
MINYAK AGIN / UBAT-UBATAN		CERMIN MATA TAMBAHAN (BAGI YANG BERCERMIN MATA).	
CERMIN MATA TAMBAHAN		TUALA WANITA	BAGI YANG BERKENAAN
LAIN-LAIN BARANGAN		LAIN-LAIN BARANGAN YANG DIFIKIRKAN PERLU.	

**Bagasi** Had Berat Bagasi yang dibenarkan tertakluk kepada Syarikat Penerbangan atau Pengendali Lawatan. Peserta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang bentuk pelanggaran peraturan yang diputuskan oleh pihak berkenaan.

## DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA

### PERMOHONAN VISA UMRAH DAN ZIARAH

Syarat-syarat dokumen yang diperlukan untuk pemrosesan visa umrah.

#### Dokumen-dokumen utama yang MESTI disediakan :

Passport Antarabangsa yang sah tempoh lakunya tidak kurang dari 6 bulan dari tarikh penerbangan beserta 6 muka surat kosong. Untuk warganegara asing, pastikan nama penuh beserta 'bin' dan 'binti'.

2 keping gambar warna berukuran 6 x 4 cm berlatar belakang PUTIH.

2 keping gambar warna berukuran 4 x 3 cm berlatar belakang BIRU.


Kad Suntikan ACYW135 @ Surat Pengesahan daripada doktor kerajaan atau swasta.

\*\* sila lihat tarikh luput suntikan di belakang kad, jika tarikh masih belum luput, tidak perlu membuat suntikan

#### SPESIFIKASI FOTO :-

- Wanita diwajibkan memakai tudung yang berwarna gelap dan lelaki tidak dibenarkan memakai songkok ataupun kopiah.

#### SAIZ GAMBAR



#### KAD SUNTIKAN



### DOKUMEN-DOKUMEN LAIN YANG PERLU DISEDIAKAN

#### BAGI JEMAAH WANITA

DOKUMEN TAMBAHAN BAGI

#### DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN

ISTERI PERGI TANPA SUAMI

1. SALINAN K/P SUAMI

	2. SALINAN SURAT NIKAH
<b>WANITA BUJANG</b>	1. SALINAN SURAT BERANAK SENDIRI 2. SALINAN SURAT BERANAK DAN SALINAN K/P ADIK BERADIK LELAKI LEBIH 18 TAHUN ATAU SALINAN K/P BAPA
<b>IBU BERMAHRAMKAN ANAK LELAKI</b>	1. SALINAN SURAT BERANAK ANAK LELAKI YANG DIIKUTI.
<b>ISTERI MENGIKUT SUAMI</b>	1. SALINAN SURAT NIKAH
<b>WANITA PERGI BERSAMA BAPA</b>	1. SALINAN SURAT BERANAK
<b>BAGI JEMAAH KANAK-KANAK DOKUMEN TAMBAHAN BAGI</b>	<b>DOKUMEN YANG PERLU DISEDIAKAN</b>
<b>KANAK-KANAK PEREMPUAN BERMAHRAMKAN BAPANYA</b>	1. SALINAN SURAT BERANAK 2. SALINAN K/P @ MYKID
<b>LELAKI KURANG DARI 18 TAHUN</b>	1. SALINAN K/P BAPA (JIKA BAPA TIDAK IKUT SERTA) 2. SALINAN SURAT BERANAK SENDIRI ATAU SALINAN BERANAK DAN SALINAN K/P ADIK BERADIK LELAKI 18 TAHUN KE ATAS
<b>BAGI JEMAAH WARGA ASING DOKUMEN YANG DIPERLUKAN</b>	
	1. SALINAN PERMIT @ PASSPORT KERJA / VISA PELAJAR YANG TEMPOH LAKUNYA TIDAK KURANG DARI 6 BULAN ATAU SALINAN KAD PENGENALAN
	2. PERMOHONAN UNTUK WARGANEGARA ASING TIDAK MEMPUNYAI DOKUMEN DI ATAS TIDAK DILAYAN SAMA SEKALI KECUALI MEMPUNYAI HUBUNGAN SUAMI ISTERI DENGAN WARGANEGARA.
	A. PEMBANTU RUMAH YANG PERGI PERLU DIIRINGI OLEH TIAP-TIAP MAJIKAN. B. PEKERJA WARGANEGARA ASING PERLU DISERTAKAN BERSAMA SURAT PENGESAHAN DARIPADA MAJIKAN TEMPAT MEREKA BEKERJA.